

NOOR Azlin Jaafar (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor atas tuduhan rasuah.



Rasuah: Satu jam baca 43 pertuduhan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Seorang pegawai perangkawan di Jabatan Perangkaan negeri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas 43 pertuduhan mendapatkan suapan berjumlah RM32,751.20 berkaitan projek pembekalan kontrak dan meluluskan elaun perjalanan dalam negeri kakitangan, tahun lalu.

Noor Azlin Jaafar, 37, membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Rozilah Salleh selepas kesemua pertuduhan dibacakan hampir satu jam oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, Noor Azlin yang merupakan pegawai Gred E44 di Seksyen Perkhidmatan dan Kewangan Jabatan Perangkaan Selangor didakwa atas lima pertuduhan mendapatkan suapan bernilai RM18,731.20 dengan mengarahkan salah seorang kakitangan menyediakan sebut harga berkaitan projek pembeka-

lan kontrak kepada tiga syarikat yang mana salah sebuahnya adalah milik saudara lelakinya.

Antara projek pembekalan kontrak itu ialah percetakan dokumen soal selidik, perkhidmatan mereka bentuk dan mencetak borang perdagangan.

Ibu tunggal kepada dua anak kembar berusia 10 tahun itu turut didakwa atas 38 pertuduhan mendapatkan suapan sebanyak RM14,020 bagi meluluskan elaun perjalanan dalam negeri membabitkan lima kakitangannya berusia 31 tahun hingga 40 tahun.

Tertuduh didakwa melakukan kesemua kesalahan tersebut di pejabatnya di Jabatan Perangkaan Selangor antara 21 Mac hingga 9 Disember tahun lalu.

Mengikut kesemua pertuduhan, Noor Azlin yang masih bekerja di jabatan tersebut didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di

bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, wanita itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak lebih lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab. Wahab menawarkan wang jaminan bagi kesemua pertuduhan sebanyak RM70,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri minggu pertama setiap awal bulan di pejabat SPRM negeri.

Sementara itu, peguam P.G. Cyril mewakili tertuduh memohon ikat jamin terhadap Noor Azlin dikurangkan berikutan pendapatan anak guamnya sebanyak RM6,000 sebulan dan perlu menyara dua anak kembarnya berikutan bercerai dengan suaminya selain menanggung ibu bapanya.